

Petronita bantu pesakit pediatrik terima rawatan komprehensif

Bangi: Kira-kira 200 kanak-kanak mendapatkan rawatan termasuk pembedahan pelbagai jenis penyakit, setiap bulan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM, sekali gus memerlukan peralatan khas untuk perkhidmatan lebih komprehensif.

Justeru, sumbangan Persatuan Istri Kakitangan PETRONAS (Petronita) menyumbang cek bernilai RM85,882 kepada hospital itu dapat membantu membeli peralatan perubatan khusus untuk kegunaan wad pediatrik.

Sumbangan itu bertujuan menampung pembelian tiga peralatan perubatan khas pediatrik bagi alatan dua unit pam TIVA Target Controlled Infusion Pumps, satu video Laryngoscope dan satu selimut pemanas Blanket Warning System.

Peralatan terhad

Ketua Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif HCTM, Prof Dr Raha Abdul Rahman, berkata secara purata pihaknya memang memerlukan peralatan pembedahan khas untuk tujuan merawat kira-kira 200 kanak-kanak di hospital itu, setiap bulan.

Katanya, peralatan perubatan khas bagi tujuan kegunaan rawatan

pesakit kanak-kanak adalah terhad. "Statistik pesakit kanak-kanak memerlukan pembedahan dan rawatan pediatrik semakin meningkat. Jadi, peralatan lengkap diperlukan amat diperlukan.

"Sebelum ini, sumbangan ini membabitkan kerjasama antara Petronita dengan Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan cek RM85,882 oleh Petronita kepada Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif HCTM, di sini.

Lahir ramai pakar

Yang turut hadir, Ketua Unit Kebajikan Petronita, Azmah Azman, Lita Osman dan Pegawai Perhubungan Awam Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr A Rahman A Jamal.

Dr Raha berkata, UKM mencapai kejayaan apabila berada di kedudukan ke-184 universiti teratas dunia dan kejayaan dikecapi adalah usaha sebahagian daripada jabatan berkenaan.

"Sebagai perintis Program Pasca-siswazah Anestesiologi dan Rawatan Intensif, ramai pakar sudah dilahir-



kan membolehkan pelbagai kajian dan penyelidikan dijalankan setiap tahun.

"Profesyen anestesiologi menjadi tulang belakang bagi memastikan denyut nadi pesakit berterusan. Tugas sebalik tabir ini cukup penting untuk membolehkan pembedahan

Azmah (dua dari kiri) dan Lita (kiri) menyerahkan cek sumbangan Petronita bernilai RM 85,882 kepada Dr A Rahman dan Dr Raha di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

berjalan lancar dan selamat," katanya.

Sebelum ini, Petronita dilaporkan aktif bekerjasama dengan beberapa pertubuhan bagi membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk kos pembedahan atau peralatan bantuan diri.